




Inflasi lebih rendah pada bulan April 2017

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan lebih rendah pada 4.4% (Mac: 5.1%), kerana harga bahan api dalam negeri menurun pada bulan itu (purata harga petrol RON95 ialah RM2.13 seliter pada bulan April berbanding dengan RM2.30 seliter pada bulan Mac).
- Pada bulan April, inflasi teras kekal tidak berubah pada 2.5%.

Pertumbuhan semua kategori eksport kukuh

Eksport Malaysia Mengikut Produk




Sumber: MATRADE

- Eksport meningkat dengan kukuh sebanyak 24.1% pada bulan Mac 2017. Pertumbuhan eksport barangan perkilangan terus didorong oleh peranti separa konduktor dan keluaran petroleum. Eksport komoditi juga lebih tinggi, disokong oleh harga dan permintaan untuk minyak mentah, LNG dan getah.
- Pada masa hadapan, eksport akan terus disokong oleh permintaan global yang bertambah baik

Pertumbuhan pinjaman lebih tinggi didorong pinjaman kepada perniagaan

Pinjaman Sistem Perbankan Terkumpul (Pertumbuhan Tahunan)




Nota: Bagi jumlah pinjaman perniagaan, 50.6% adalah untuk bukan PKS dan 49.4% bagi PKS.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada 6.1% pada bulan April 2017 (Mac 2017: 6.0%), didorong terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi kepada perniagaan, tidak termasuk PKS (April 17: 5.5%; Mac 17: 4.9%). Pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi ini disokong oleh pembiayaan modal kerja.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan pinjaman perniagaan dijangka disokong oleh pelaburan dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.




Permodalan sistem perbankan kekal kukuh



- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk berdepan dengan apa-apa kejutan makroekonomi dan kewangan yang buruk, memandangkan terdapat penampungan modal sebanyak RM132.5 bilion pada bulan April 2017.
- Lebih 75% daripada jumlah modal terdiri daripada ekuiti, perolehan tertahan dan rizab berkualiti tinggi yang berupaya menyerap kerugian.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran kewangan domestik terus teratur




Nota: Bon kerajaan termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK)

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pasaran ekuiti terus menerima aliran masuk bukan pemastautin dalam keadaan sentimen dalam negeri yang bertambah baik berikutan perolehan korporat yang lebih baik daripada jangkaan.
- Sikap optimis terhadap ekonomi Malaysia berikutan lebihan akaun semasa dan prospek perdagangan yang bertambah baik menyebabkan aliran masuk semula bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik pada bulan itu. Kadar hasil bon juga merosot dalam keadaan sokongan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.

Ringgit mencatat prestasi terbaik dalam rantau ini pada bulan April



- Ringgit menambah nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar AS pada bulan April susulan aliran masuk ke dalam pasaran bon dan ekuiti.
- Ringgit disokong oleh pengumuman langkah-langkah oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan pada bulan itu, khususnya untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon dan membolehkan fleksibiliti melindungi nilai yang lebih besar dalam pasaran dalam negeri.

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan							
		Feb 17		Mac 17		Apr 17	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.00	
Antara bank:	Semalaman	3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]	
	1 minggu	3.03 [3.03]		3.04 [3.04]		3.02 [3.02]	
	1 bulan	3.08 [3.10]		3.08 [3.09]		3.08 [3.09]	
	3 bulan	3.49 [3.44]		3.38 [3.32]		3.43 [3.43]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.87		2.87		2.87	
	3 bulan	2.92		2.92		2.93	
Kadar pinjaman asas (BLR) bank perdagangan		6.66		6.66		6.65	
Kadar asas berwajaran ⁶		3.62		3.62		3.61	
Kadar pinjaman purata berwajaran bank perdagangan		5.21		5.20		5.19	
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih ¹		2,194.3	5.4	2,222.0	6.8	2,228.6	7.1
Nisbah pinjaman kepada deposit (%) ²		88.4		88.8		88.8	
Nisbah Pinjaman kepada dana (%) ^{2&3}		83.1		82.8		82.8	
Nisbah Pinjaman kepada dana dan ekuiti (%) ^{2,3&4}		74.0		74.0		74.1	
Pinjaman terkumpul dalam RM bilion		1,527.3	5.3	1,536.0	6.0	1,536.3	6.1
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		61.2	21.2	76.6	6.4	64.7	0.6
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		26.1	17.4	35.9	28.9	27.2	0.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		80.5	3.3	106.5	15.6	83.4	2.5
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		85.4	7.1	101.9	10.4	86.6	1.3
Agregat Monetari							
Wang rizab		139.8	4.7	139.4	7.2	141.5	6.3
M1		387.6	5.6	386.8	9.2	387.0	11.0
M2		1,664.2	4.3	1,670.6	4.6	1,666.8	4.6
M3		1,668.7	4.1	1,676.0	4.5	1,672.6	4.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah jumlah modal (%) ⁵		16.9		17.0		17.0	
Nisbah modal kumpulan 1 (%) ⁵		13.9		13.9		13.8	
Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (%) ⁵		13.1		13.1		12.9	
Nisbah pinjaman terjejas bersih (%)		1.2		1.2		1.3	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		426.2		422.1		425.1	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		95.0		95.4		96.1	
Bilangan bulan import tertangguh		8.5		8.2		7.9	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		4.5		5.1		4.4	

¹ Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) dan bon korporat terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan terbitan Cagamas)

² Deposit tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan. Pinjaman tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang diberikan kepada institusi perbankan. Mulai Julai 2015, pinjaman tidak termasuk pembiayaan oleh Akaun Pelaburan Islam

³ Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁴ Ekuiti terdiri daripada saham biasa dan saham keutamaan, premium saham dan perolehan tertahan

⁵ Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III

⁶ Pada 2 Januari 2015, Kadar Asas telah menggantikan Kadar Pinjaman Asas (BLR) sebagai kadar rujukan utama untuk pinjaman runcit berkadar terapung baharu dan kemudahan pembiayaan baharu. Wajaran berdasarkan bahagian setiap bank daripada semua pinjaman berkadar terapung terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 05/17/17

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak
atau disiarkan sebelum pukul 1500
hari Rabu, 31 Mei 2017**

SOROTAN BULANAN APRIL 2017

Inflasi lebih rendah pada bulan April 2017

- Inflasi keseluruhan lebih rendah pada 4.4% (Mac: 5.1%), kerana harga bahan api dalam negeri menurun pada bulan itu (purata harga petrol RON95 ialah RM2.13 seliter pada bulan April berbanding dengan RM2.30 seliter pada bulan Mac).
- Pada bulan April, inflasi teras kekal tidak berubah pada 2.5%.

Pertumbuhan semua kategori eksport kukuh

- Eksport meningkat dengan kukuh sebanyak 24.1% pada bulan Mac 2017. Pertumbuhan eksport barangan perkilangan terus didorong oleh peranti separa konduktor dan keluaran petroleum. Eksport komoditi juga lebih tinggi, disokong oleh harga dan permintaan untuk minyak mentah, LNG dan getah.
- Pada masa hadapan, eksport akan terus disokong oleh permintaan global yang bertambah baik.

Pertumbuhan pinjaman lebih tinggi didorong pinjaman kepada perniagaan

- Pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada 6.1% pada bulan April 2017 (Mac 2017: 6.0%), didorong terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi kepada perniagaan, tidak termasuk PKS (April 17: 5.5%; Mac 17: 4.9%). Pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi ini disokong oleh pembiayaan modal kerja.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan pinjaman perniagaan dijangka disokong oleh pelaburan dalam negeri, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk berdepan dengan apa-apa kejutan makroekonomi dan kewangan yang buruk, memandangkan terdapat penampakan modal sebanyak RM132.5 bilion pada bulan April 2017.
- Lebih 75% daripada jumlah modal terdiri daripada ekuiti, perolehan tertahan dan rizab berkualiti tinggi yang berupaya menyerap kerugian.

Keadaan pasaran kewangan domestik terus teratur

- Pasaran ekuiti terus menerima aliran masuk bukan pemastautin dalam keadaan sentimen dalam negeri yang bertambah baik berikutan perolehan korporat yang lebih baik daripada jangkaan.
- Sikap optimis terhadap ekonomi Malaysia berikutan lebihan akaun semasa dan prospek perdagangan yang bertambah baik menyebabkan aliran masuk semula bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik pada bulan itu. Kadar hasil bon juga merosot dalam keadaan sokongan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.

Ringgit mencatat prestasi terbaik dalam rantau ini pada bulan April

- Ringgit menambah nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar AS pada bulan April susulan aliran masuk ke dalam pasaran bon dan ekuiti.
- Ringgit disokong oleh pengumuman langkah-langkah oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan pada bulan itu, khususnya untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon dan membolehkan fleksibiliti melindungi nilai yang lebih besar dalam pasaran dalam negeri.

Bank Negara Malaysia
31 Mei 2017